

PERLEMBAGAAN BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN) 2004: KE ARAH MENGUKUHKAN TERAS KEMERDEKAAN

**DATIN PADUKA HAJJAH HAYATI
BTE POKS DSP HJ MOHD SALLEH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

RISTAAN

1hb Januari 1984 – Waktu itu saya ikut serta dalam kereta Allahyarham Ayah saya menuju ke Padang Omar Ali Saifuddien Di Bandar Seri Begawan untuk upacara bersejarah Pengisytiharan Kemerdekaan. Sepanjang jalan, Allahyarham Ayah saya begitu riang bercerita tentang kisah-kisah sebelum Kemerdekaan. Bagaimanapun saya lihat air mata beliau di kelopak matanya dan ketika itu juga saya turut hiba apabila melihat beliau dalam keadaan itu. Saya tidak mengerti di waktu itu, kenapa beliau nampak begitu terharu sedangkan saya begitu gembira dengan upacara yang akan dilangsungkan, apatah lagi saya yang baru pulang ke tanah air setelah kira-kira 7 tahun belajar di luar negara, akan bersama-sama kira-kira 1000 peserta wanita menyertai Perbarisan Hari Kebangsaan yang Pertama pada 23 Februari 1984. Sesungguhnya, itulah kenangan yang saya tidak pernah lupakan setiap kali saya menghadiri upacara menyambut Hari Kemerdekaan. Dalam hati kecil saya berkata "Wah, mungkin besar sekali erti Kemerdekaan bagi beliau dan mereka yang seangkatan dengannya". Saya terkilang juga kerana sebelum itu kurang mendengar cerita-cerita beliau. Sejak hari itu saya berazam mendengarkannya dengan lebih berhati-hati.

PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

Kini 21 tahun telah berlalu dan setiap tahun Hari Kemerdekaan disambut dengan meriah. Tertanya juga di hati saya, adakah ianya sekadar sambutan bagi generasi anak-anak muda kita? Adakah mereka lebih mengerti dan menghayati apa sebenarnya erti Kemerdekaan? Adakah patriotisme itu sekadar mengibar bendera? Menyanyikan lagu Kebangsaan? Jika tidak, bagaimana dan kepada siapa diamanahkan tugas dan tanggungjawab supaya generasi muda lebih memahami erti Kemerdekaan itu sebenarnya? Tak kenal maka tak cinta! Pada hemat saya hanya dengan pengetahuan dan penghayatan Kemerdekaan, aspirasi negara dapat dicapai dengan lebih berkesan. Secara *basic*, memang ada. Kita jadi marah apabila orang (media luar) mengkritik kita. Kita bangga setiap kali melihat bendera kita berkibar di persada antarabangsa dan setiap kejayaan anak Brunei. Apa tidaknya, Bumi inilah tempat kita lahir, Bumi inilah sumber rezeki anak-anak kita dan masa hadapan mereka. Maju mundurnya tanggungjawab kita bersama.

TEMA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-21

Saya difahamkan Tema sambutan tahun ini iaitu "Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa" telah diserapkan kata "Mandiri" yang bererti "tidak suka bergantung kepada orang lain", semangat untuk berusaha sendiri "berkarih sendiri". Perkataan "Mandiri" itu dipilih sebagai kesinambungan dengan kata "Patriotisme" - Tema sambutan tahun lalu.

Dalam konteks tersebut kertas ini ditulis dalam dua bahagian. Bahagian pertama mengimbas kembali Perlembagaan 1959, Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 dan seterusnya Perlembagaan Brunei (Pindaan) 2004, kerana pada pandangan saya proses "Mandiri" itu sebenarnya sudah bermula dengan Perlembagaan 1959 dan diperkukuhkan lagi dengan Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 dan seterusnya dengan Pindaan 2004.

Dalam bahagian kedua, saya cuba menyuarakan beberapa buah fikiran yang boleh difikirkan kesesuaiannya dengan tujuan mempertingkatkan lagi kefahaman dan penghayatan kemerdekaan itu, sekurang-kurangnya sebagai bahan untuk *brain storming* dalam seminar ini atau dalam forum yang lain kerana saya rasa pemahaman dan penghayatan tentang kemerdekaan ini amat penting terutama bagi generasi muda yang sentiasa dikatakan bakal pemimpin negara di masa hadapan. Hanya dengan penghayatan sedemikian mereka akan mengerti dan menghargai erti Kemerdekaan itu dan perjuangan orang-orang terdahulu dengan tujuan menyemaikan semangat patriotisme serta cintakan tanah air yang mendalam.

Saya tidak akan menyentuh langkah-langkah lain yang perlu untuk membentuk dan memperkasa bangsa mandiri itu kerana saya difahamkan aspek itu akan disentuh di dalam seminar oleh penyampai kertas kerja yang lebih arif dari saya mengenainya, dari berbagai perspektif, seperti Islam, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

PERLEMBAGAAN 1959 – BERMULANYA PROSES 'MANDIRI'

MUKADIMAH

(Al Marhum Sultan Omar ` Ali Saifuddin Sa`adul Khairi Waddin ibni Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-Alam) -

"BAHAWASANYA BETA berhajat hendak memerintah menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan juga hendak beransur-ansur mengadakan badan-badan perwakilan dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA BETA dengan nasihat dan persetujuan Kerabat-Kerabat Di-Raja dan Pembesar-Pembesar menurut adat istiadat telah memutuskan supaya pemerintahan Negara Brunei Darussalam ke hadapan kelak hendaklah dijalankan seperti yang tersebut di bawah ini;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA, dengan hak-hak dan kuasa-kuasa Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya, dengan ini memasyhurkan dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi pihak PENGGANTI-PENGGANTI BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini:

Permasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959 -

"BAHAWASANYA BETA telah mengeluarkan Pemasyhuran pada dua belas haribulan Mei, 1953, yang menyatakan bahawa adalah mendatangkan faedah untuk membuat peraturan bagi menentukan Pengganti-Pengganti BETA, bagi menjalankan tugas-tugas Negara dan juga bagi perkara-perkara lain mengenai BETA dan Kerabat BETA;

DAN BAHAWASANYA BETA telah memperbuat suatu Perlembagaan yang bernama Perlembagaan Negara Brunei Darussalam;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA, dengan hak-hak dan kuasa-kuasa BETA sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya, DENGAN INI MEMASYHURKAN dan MEMERINTAHKAN dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi pihak PENGGANTI-PENGGANTI BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini;

Seperti yang ternyata di dalam Mukadimah Perlembagaan 1959 itu -

- a) Pemerintahan Negara adalah menurut Perlembagaan dan Undang Undang Negara Brunei Darussalam;
- b) Beransur-ansur akan di-adakan badan-badan perwakilan dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam;
- c) Pemerintahan Negara Brunei Darussalam ke hadapan kelak hendaklah dijalankan seperti yang tersebut dalam Perlembagaan.

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Menandatangani Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 -

"45 tahun yang lalu, Ayahanda Beta Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien, telah mengisytiharkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam atas nama Baginda dan bagi pihak pengganti-pengganti Baginda. Orang-orang tua kita telah bekerja keras dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan semua hak menentukan masa depan kita sendiri. Ianya adalah satu perjuangan adil dan suci. Keazaman mereka telah membolehkan kita mencapai pemerintahan sendiri pada tahun 1959.

Peristiwa bersejarah ini telah diperingati dengan Pemasyhuran Perlembagaan yang bukan saja mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan tetapi juga merupakan langkah permulaan ke-arah negara mencapai kemerdekaan penuh. Semangat perpaduan serta keyakinan orang-orang Brunei telah mendorong kita mencapai kedaulatan negara pada tahun 1984."

Seperti yang di Titahkan Baginda, ternyata proses `Mandiri' itu sudah dicalak pada Perlembagaan 1959 dan dimantapkan lagi seterusnya dengan satu lagi peristiwa yang bersejarah pada 1.1.1984.

Intipati Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1.1.1984 -

- a) Tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa dengan secara penuh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat antarabangsa.
- b) Kerajaan negara di susun menurut Perlembagaan 1959 dan ia-lah menjadi undang-undang yang tertinggi bagi kerajaan negara ini.
- c) Hak dan kuasa kedaulatan Sultan termasuk tanggungjawab terhadap urusan-urusan luar negara akan kembali kepada Sultan mulai 1.1.1984.
- d) Dengan izin Allah Negara Brunei Darussalam akan kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik serta bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

e) Perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan luar negeri.

Permasyhuran Kemerdekaan 1984 tersebut jelas telah membawa proses 'Mandiri' itu ke tahap yang lebih jauh lagi. Kita hanya perlu mengukur perkembangan di dalam dan luar negara dalam 2 dekad yang lalu.

Perlembagaan Brunei Darussalam (Pindaan) 2004; memantapkan lagi proses Mandiri

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istiadat Pembukaan Resmi Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam pada 10 Sya'aban bersamaan 25 September 2004 -

"Pada 15 Julai yang lalu, Beta telah memaklumkan mengenai dengan penubuhan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan mengkaji semula Perlembagaan dan Undang-Undang Negara, supaya ianya benar-benar selaras dengan keadaan yang penuh dengan cabaran ini.

Jawatankuasa berkenaan telah mengenal pasti perubahan-perubahan yang perlu untuk mengukuhkan lagi institusi pemerintahan beraja dan meningkatkan keberkesanan hubungan kerajaan dengan rakyat. Perubahan-perubahan ini akan membolehkan kita dengan sebaik-baiknya melindungi dan memelihara kepentingan rakyat dan negara.

Dengannya juga, dapatlah Beta memikirkan, bagaimana rakyat – dengan pelbagai cara – dapat melibatkan diri dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam. Ini, telah Beta bayangkan di dalam Titah sambutan hari keputeraan yang lalu, bahawa Beta berhasrat untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal, iaitu dengan mengadakan semula Majlis Mesyuarat Negara. Persidangan hari ini adalah merupakan permulaan proses ke arah yang Beta hasratkan.

Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat perundingan. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan."

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Majlis Penandatanganan Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 bertempat di Lapau, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 14 Sya'aban 1425 bersamaan dengan 29 September 2004 -

"Kemerdekaan memberikan kita tanggungjawab. Beta sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada Allah menerima tanggungjawab ini untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan di bidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan. Terkandung juga tanggungjawab itu ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan.

Hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat juga ditubuhkan di seluruh dunia. Pada waktu yang sama, keutamaan juga diberikan dalam memelihara keamanan dengan menguatkan lagi undang-undang dan peraturan. Rakyat telah diseru supaya berdiri teguh menentang sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.

Tidak syak lagi, dasar ini telah membolehkan rakyat memperbaiki taraf ekonomi mereka serta mendapatkan peluang-peluang terbaik ke arah menikmati kehidupan yang benar-benar senang lagi bahagia.

Amalan 'mesra rakyat' juga, Alhamdulillah, telah dapat Beta lakukan dengan meneruskan perjumpaan demi perjumpaan dengan rakyat melalui cara tradisi kita. Cara ini sesungguhnya menjadi pengukuh lagi kepada hubungan yang sangat baik dan istimewa di antara Raja dan rakyat.

Bagi kepentingan negara dan rakyat, Beta sangatlah berhasrat untuk memperkenalkan struktur perundangan yang formal, di mana dengan itu, Jawatankuasa Meneliti semula Perlembagaan 1959 telah mencadangkan beberapa perubahan terhadap Perlembagaan. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja dan Majlis Mesyuarat Negara sebulat suara berpendapat, bahawa pindaan-pindaan berkenaan adalah mampu untuk mencerminkan kedudukan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang telah kita amalkan semenjak 600 tahun. Dengan pindaan-pindaan tersebut, Perlembagaan akan menjadi asas yang lebih kuat untuk

memenuhi wawasan Beta terhadap negara ini. Dengannya, Negara Brunei Darussalam dapat diterajui menuju ke suatu hala yang mantap dan berkeupayaan yang sebenar-benarnya.

Kita telah mencapai satu tahap ekonomi yang baik. Orang-orang Brunei memang suka bekerja keras untuk sampai kepada tahap tersebut. Tetapi ini saja belumlah memadai. Masih banyak lagi yang mahu dilakukan. Kita adalah bangsa yang mempunyai kebolehan, cita-cita dan keupayaan. Kita mesti sanggup berkorban dan bekerja lebih keras, demi masa depan yang gemilang, khasnya bagi generasi akan datang. Memang ada banyak lagi yang perlu kita lakukan. Perlembagaan ini boleh membantu kita untuk menuju gemilang tersebut.

Pada waktu yang sama, Perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundingan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara. Perkara sedemikian akan lebih mengukuhkan lagi sistem kerajaan serta perpaduan di antara kita.

Mengenai dengan Majlis Mesyuarat Negara yang telah mengadakan persidangannya, Beta adalah gembira, kerana perbincangan-perbincangan di dalamnya berjalan dengan baik dan membina, seperti yang dihasratkan. Beta harap, Majlis ini akan menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia, demi masa depan negara.

Dalam perkara melaksanakan sistem perwakilan yang dicadangkan, Beta ingin mengingatkan supaya lebih berhati-hati, demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Ianya tidak diragukan lagi memerlukan kajian lebih teliti, serta juga infrastruktur bagi proses pemilihan perwakilan, sehingga ianya benar-benar dapat diadakan dengan teratur dan aman."

PENUBUHAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA (BAHAGIAN VI) DAN JADUAL KEDUA – PERKARA 24(1) – KEANGGOTAAN/WAKIL-WAKIL DAERAH DLL.

Bab 4(2) – Sehingga undang-undang pilihanraya berkuatkuasa, wakil-wakil Daerah di lantik di bawah perenggan 5 dan 6.

Saya melihat perkembangan ini sebagai satu perkembangan yang menggalakkan. Ianya satu petanda yang baik, yang menerima hakikat bahawa rakyat Brunei Darussalam boleh berfikir dengan matang untuk menyuarakan pendapat dan kritikan yang membina melalui satu forum atau wadah yang resmi dan berkedudukan tinggi dari segi Undang-Undang Negara. Seperti yang

dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang Di-Pertuan pada 25 September 2004 -

"Hari ini, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan memulakan tugas pertama mereka dengan diberi penghormatan untuk membahaskan masa depan Perlembagaan dan negara.

Perlu diingat, penghormatan ini sangatlah berat. Ahli-ahli mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina.

Ahli-Ahli Majlis juga menjadi contoh untuk menunjukkan yang masyarakat Burnei adalah cukup memahami serta menghargai ciri-ciri bernegara; ciri-ciri istimewa dalam sistem kerajaan; sentiasa mengamalkan sikap muafakat dan mengutamakan kepentingan bersama lebih daripada kepentingan diri sendiri.

Masyarakat Brunei juga adalah menolak perbalahan dan permusuhan; menghindari daripada memikirkan perkara-perkara remeh-temeh serta berusaha menjauhi pemikiran sempit.

Pada pandangan saya *Patriotism is not the blind, unquestionable or uncritical love of one's country*. Kita bersyukur kerana telah ada satu wadah yang resmi untuk rakyat melalui Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat untuk turut serta menyuarakan pendapat dan kritik yang membina semata-mata bagi maksud menyumbang kepada pembangunan negara. Pada pandangan saya Pindaan 2004 dan perkembangan ini memperkukuhkan lagi proses 'mandiri' yang sudah bermula sejak Perlembagaan 1959 itu.

Hanya dua harapan saya. Pertama, saya berharap Ahli Majlis Mesyuarat tidak akan teragak-agak menyuarakan isu-isu berkaitan dengan kepentingan negara dan rakyat termasuk wanita dan belia, 2 stakeholders yang penting dalam pembangunan dan masa hadapan negara. Kedua, mudah-mudahan satu masa nanti akan ada wanita yang dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Negara.

Kemantapan Perlembagaan sebagai undang-undang yang tertinggi bagi Negara memelihara status Negara kita yang Berdaulat dan Merdeka dan memastikan peruntukan seperti, Ugama Resmi-nya Ugama Islam (bab 3(1), Beradat Istiadat (bab 3A), Kuasa Memerintah (bab 4), Bahasa Melayu sebagai Bahasa Resmi (Bab 82) dan lain-lain lagi.

Perlembagaan tidak boleh dipinda, ditambah, atau dibatalkan dengan cara lain, selain dengan Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan (bab 85). Sebarang Pemasyharan itu hendaklah dirunding dengan Majlis Mesyuarat Di Raja sebelum di bentangkan kepada Majlis Mesyuarat Negara.

BAHAN UNTUK PEMIKIRAN (*FOOD FOR THOUGHT*)

Saya khawatir jika "*Ketuhuran*" pengertian tentang erti Kemerdekaan dan Perlembagaan yang saya alami pada tahun 1984 itu juga masih ada di kalangan generasi muda. Saya sendiri tidak yakin dapat mendidik anak-anak saya dan generasi muda dalam keluarga saya akan pengertian dan penghayatan Kemerdekaan itu dengan efektif. Pandangan saya ada perlunya difikirkan langkah-langkah yang perlu dengan tujuan memberikan pengertian yang lebih tepat dan penghayatan yang mendalam khususnya kepada generasi muda dengan lebih efektif dan berkesan. Saya maklum memang banyak pihak-pihak, baik pihak Kerajaan, sekolah-sekolah, kampung-kampung dan persatuan-persatuan telah mengambil langkah yang dipuji ke arah ini, termasuk mengetengahkan puisi-puisi Kemerdekaan, lagu-lagu Patriotik, Seminar seperti ini dan sebagainya. Tetapi, saya rasa ada perlunya kesinambungan dan *centralized, coordinated effort* dan bukan diadakan bersempena menyambut Kemerdekaan sahaja. Mungkin jua buku-buku yang telah diharamkan sewaktu pemerintahan British kerana dianggap "*anti-colonial*" boleh dikaji semula, untuk apa jua pengajaran yang boleh didapati darinya, jika ada?

Dengan segala kemudahan yang dapat kita nikmati sekarang, saya juga khawatir jika generasi muda akan mengukur patriotisme cuma dari segi kesenangan yang dapat diberikan oleh Negara. Adakah ia akan hapus dan tandus apabila kemudahan itu berkurangan?

Bentuk institusi atau organisasi yang bersesuaian ini boleh difikirkan bersama. Ada 2 contoh yang telah saya selidiki yang boleh menjadi *benchmark* bagi kita dalam memikirkannya.

1. a) Saya mendapat tahu di Malaysia, ada terdapat Institusi seperti Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme di Melaka yang ditubuhkan dengan maksud untuk menyemai, membentuk dan menyemarakkan semangat patriotisme di hati dan naluri disetiap rakyat. Ianya jua berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran rakyat terhadap sejarah negara dan menyediakan polisi dan strategi bagi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi semangat patriotisme di kalangan rakyatnya.

b) Saya juga mendapat tahu bahawa di Georgia, USA, terdapat satu National Museum of Patriotism di mana terdapat pameran berbagai cara yang dianggap dapat membantu pengunjungnya yang kebanyakannya terdiri dari anak-anak sekolah dan penuntut pengajian tinggi bagi memahami patriotisme dan betapa

pentingnya semangat patriotisme tersebut seperti yang telah ditunjukkan oleh perjuangan orang-orang terdahulu. Seterusnya, "patriotism" dan "citizenship" ; dijadikan salah satu *character education* bagi anak-anak sekolah dan muzium tersebut bekerjasama erat dengan jabatan pendidikannya dalam menyusun lawatan-lawatan mereka ke muzium tersebut.

2. Satu lagi buah pemikiran yang pada hemat saya sesuai untuk difikirkan iaitu satu Skim seperti *National Service* di Singapura atau Khidmat Negara di Malaysia. Saya yakin Skim sedemikian sekurang-kurangnya boleh memupuk semangat cintakan Negara, disiplin dan ketaatan yang tinggi, perpaduan dan sifat mandiri.

Bahan Rujukan:

Dokumen-Dokumen Perlembagaan, Negara Brunei Darussalam.
Buku Kenangan Sambutan Hari Kemerdekaan yang Ke 21.